



KERAJAAN MALAYSIA

---

**SURAT PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM  
BIL. 1 TAHUN 2001**

---

**PANDUAN BAGI DATA CUSTODIANSHIP  
INFRASTRUKTUR KEBANGSAAN  
BAGI SISTEM MAKLUMAT TANAH**

JABATAN PERDANA MENTERI  
MALAYSIA  
OKTOBER 2001

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan



**KETUA SETIAUSAHA**  
*Secretary General*  
**Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi**  
**Bahagian Teknologi Maklumat**  
**Tingkat 5 & 6, Wisma Tanah**  
**Jalan Semarak**  
**50574 Kuala Lumpur**

TELEFON :  
FAX :  
TARIKH : Oktober 2001

Rujukan Kami :

Rujukan Tuan :

---

**SURAT PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM**  
**BIL. 1 TAHUN 2001**

---

**PANDUAN BAGI DATA CUSTODIANSIP**  
**INFRASTRUKTUR KEBANGSAAN**  
**BAGI SISTEM MAKLUMAT TANAH**

**TUJUAN**

Surat pekeliling ini bertujuan menyediakan panduan mengenai data custodianship sebagai kaedah bagi memastikan akauntabiliti terhadap pengurusan dan penyenggaraan data berkaitan tanah di kalangan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam pelaksanaan Infrastruktur Kebangsaan Bagi Sistem Maklumat Tanah [National Infrastructure for Land Information System (NaLIS)].

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah membangunkan Infrastruktur Kebangsaan Bagi Sistem Maklumat Tanah (NaLIS) dan pekeliling mengenainya telah pun dikeluarkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 1997 bertajuk "Panduan Mengenai Penubuhan Infrastruktur Kebangsaan Bagi Sistem Maklumat Tanah [National Infrastructure for Land Information System (NaLIS)]" yang berkuatkuasa mulai 2 Januari 1997. Bagi menentukan kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan infrastruktur ini, penekanan perlu diberi kepada akauntabiliti agensi pembekal data dalam memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara dan maklumat peribadi serta kerahsiaan terjamin dan sentiasa dilindungi. Ini boleh dilakukan melalui kaedah data custodianship. Kaedah ini mempunyai beberapa faedah lain termasuk mengelakkan pertindihan dan pembaziran dalam pengutipan dan penyenggaraan data; membantu memudahkan aktiviti kutipan data, pengeluaran produk dan pengurusan produk tambah nilai.

## **GARIS PANDUAN**

3. Garis panduan mengenai data custodianship adalah seperti yang dilampirkan kepada surat pekeliling ini. Ia menjelaskan tujuan, konsep, faedah-faedah dan prinsip-prinsip utama data custodianship. Garis panduan ini juga menjelaskan hak-hak dan tanggungjawab data custodian, kriteria pemilihan data custodian, penilaian oleh NaLIS, perlantikan agensi tunjuk (lead agency), tanggungjawab pengguna, pengurusan produk tambahnilai dan liabiliti.
4. Semua agensi Kerajaan yang terlibat adalah diminta untuk mengambil perhatian kepada panduan yang disediakan dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

## **PEMAKAIAN**

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan.

## **TARIKH KUAT KUASA**

6. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

**TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN**

**Ketua Setiausaha Negara**

Lampiran Kepada  
Surat Pekeliling Kemajuan  
Pentadbiran Awam  
Bilangan 1 Tahun 2001



**GARIS PANDUAN  
BAGI  
DATA CUSTODIANSHIP**

Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi  
Bahagian Teknologi Maklumat  
Tingkat 5 & 6, Wisma Tanah  
Jalan Semarak  
50574 Kuala Lumpur

## KANDUNGAN

<b>PENDAHULUAN</b>	1
<b>KONSEP DATA CUSTODIANSHIP</b>	1
<b>RASIONAL CUSTODIANSHIP</b>	1
<b>PRINSIP-PRINSIP DATA CUSTODIANSHIP</b>	2
-- Prinsip 1 - Data Custodian sebagai pemegang amanah bagi pihak Kerajaan	2
-- Prinsip 2 - Data Custodian bertanggungjawab memastikan dataset di bawah jagaannya memenuhi standard yang ditetapkan	2
-- Prinsip 3 - Data Custodian hendaklah merancang dan mengurus data dengan mengambilkira keperluan NaLIS	2
-- Prinsip 4 - Data Custodian adalah pembekal data berwibawa	3
-- Prinsip 5 - Data Custodian bertanggungjawab sepenuhnya terhadap integriti data di bawah jagaan mereka	3
-- Prinsip 6 - Data Custodian hendaklah memastikan capaian yang berterusan kepada semua pengguna untuk dataset di bawah kawalan mereka	4
<b>HAK-HAK DATA CUSTODIAN</b>	4
<b>TANGGUNGJAWAB DATA CUSTODIAN</b>	4
<b>PEMILIHAN DATA CUSTODIAN</b>	6
<b>PENILAIAN SEMULA DATA CUSTODIAN</b>	4
<b>AGENSI TUNJAK</b>	6
<b>TANGGUNGJAWAB PENGGUNA</b>	7
<b>PENGURUSAN PRODUK TAMBAHNILAI</b>	8
<b>LIABILITI</b>	8
<b>KESIMPULAN</b>	9
<b>ISTILAH</b>	10

## **PENDAHULUAN**

Penggunaan optimum data berkaitan tanah bergantung kepada kemampuan untuk mendapat dan mengintegrasikan data dari pelbagai jenis dan sumber yang berlainan. Sumber data tersebut perlu mudah dikenalpasti untuk memudahkan pengguna memperolehi data yang relevan dengan keperluan mereka. Bagi tujuan pengurusan dan perkongsian data berkaitan tanah yang lebih efektif, Infrastruktur Kebangsaan Bagi Sistem Maklumat Tanah (NaLIS) telah diwujudkan. Infrastruktur ini membolehkan pengguna membuat capaian data berkaitan tanah secara atas talian (on-line access). Oleh kerana data yang dicapai melalui NaLIS adalah datang dari pelbagai sumber maka penentuan data custodianship adalah perlu bagi menentukan akauntabiliti agensi pembekal data tersebut.

## **KONSEP DATA CUSTODIANSHIP**

2. Data custodianship bagi tujuan garis panduan ini ialah satu kaedah untuk memastikan akauntabiliti terhadap pengurusan dan penyenggaraan data berkaitan tanah di sektor awam. Custodianship tidak bertujuan untuk memberi maksud pemilikan mutlak tetapi sebagai pemegang amanah mengenai data bagi pihak kerajaan.
3. Pembekal data utama berkaitan tanah dikenali sebagai data custodian. Mereka terdiri dari agensi-agensi yang dikenalpasti oleh NaLIS dan diperakukan oleh kerajaan berpandukan kriteria tertentu yang mempunyai tanggungjawab dan hak-hak tertentu.

## **RASIONAL CUSTODIANSHIP**

4. Custodianship adalah teras kepada kecekapan dan keberkesanan pengurusan data kerana ia memberi penekanan kepada aspek akauntabiliti terhadap dataset. Custodianship juga memastikan agensi pembekal data yang berwibawa dapat dikenal pasti dan konsistensi data terpelihara.
5. Di bawah Data custodianship, pengurusan data adalah menjurus kepada suatu perkongsian bagi membolehkan pengintegrasian data dilakukan untuk manfaat semua dan bukan terhad kepada kepentingan sesuatu agensi sahaja. Dengan demikian ia akan dapat mengelakkan pertindihan usaha dan pembaziran kos. Selain itu, custodianship juga dapat membantu memudahkan kutipan dataset berpandukan standard yang ditetapkan dan menyediakan peraturan yang jelas mengenai hak-hak dan tanggungjawab dalam pengurusan data dan produk tambahanilai antara agensi-agensi terlibat. Pada keseluruhannya data custodianship akan menyumbang kepada penyediaan satu infrastruktur maklumat yang mantap dan berkesan.

## **PRINSIP-PRINSIP DATA CUSTODIANSHIP**

6. Data custodianship memerlukan data custodian mematuhi enam prinsip utama seperti berikut:-

### **PRINSIP 1 - Data Custodian sebagai pemegang amanah bagi pihak Kerajaan**

7. Data custodian adalah pemegang amanah (trustee) bagi pihak Kerajaan dan bukan pemilik mutlak data yang terdapat dalam pangkalan data masing-masing. Cara ini akan dapat mewujudkan kerjasama dalam perkongsian data dan seterusnya mengelakkan persaingan antara agensi.

### **PRINSIP 2 - Data Custodian bertanggungjawab memastikan dataset di bawah jagaannya memenuhi standard yang ditetapkan**

8. Adalah menjadi tanggungjawab data custodian untuk memastikan dataset di bawah jagaannya memenuhi Standard Bagi Maklumat Geografik (Geographic Information Standard) yang ditetapkan oleh Jabatan Standard Malaysia.

9. Pemakaian standard oleh data custodian akan menggalakkan serta membuka peluang yang luas bagi penggunaan pelbagai data dari sumber-sumber yang berlainan. Pembangunan dan penetapan standard untuk menentukan bagaimana sesuatu data itu dikutip, dihuraikan dan digunakan merupakan komitmen penting yang dibuat oleh agensi apabila bersetuju untuk menjadi data custodian.

10. Data custodian hendaklah merujuk kepada Jawatankuasa Teknikal Standard NaLIS untuk membantu menetapkan standard yang sesuai bagi data di bawah jagaan mereka serta mencadangkan standard tersebut untuk digunakan. Ini termasuklah standard untuk kutipan, klasifikasi, huraian, ketepatan, kualiti, format, struktur dan capaian data.

### **PRINSIP 3 - Data Custodian hendaklah merancang dan mengurus data dengan mengambil kira keperluan NaLIS**

11. Data custodian hendaklah mengendalikan rancangan pengutipan, penukaran dan penyenggaraan data dengan mengambil kira keperluan NaLIS dan pengguna melalui perbincangan.

12. Data custodian perlu memaklumkan kepada NaLIS, para pengguna dan pihak-pihak lain yang berkepentingan apabila membuat perubahan ketara kepada pengurusan dataset. Data custodian juga bertanggungjawab untuk berunding dengan agensi yang mengutip dan menyenggara data bagi pihak mereka untuk menentukan syarat-syarat pengutipan dan penyenggaraan data tersebut.

13. Data custodian boleh terus menentukan keutamaan pengutipan atau penukaran data berdasarkan kepada keperluan organisasi mereka. Sekiranya agensi-agensi lain memerlukan data selain daripada yang telah disediakan oleh data custodian, mereka bolehlah;

- a) menunggu sehingga data custodian menguruskan kutipan atau penukaran data yang dikehendaki, atau;
- b) menyumbang sumber kewangan atau sumber-sumber lain yang diperlukan oleh data custodian bagi membolehkan pengutipan atau penukaran data dibuat, atau;
- c) melaksanakan sendiri pengutipan atau penukaran data berkenaan dengan syarat dipersetujui oleh data custodian serta melibatkan wakil dari data custodian dalam pengujian kesahihan dan kualiti data yang dikutip.

14. Jika sesebuah agensi lain mengutip atau menukar data yang berada di bawah kawalan data custodian, ia perlu dilakukan mengikut standard yang telah ditetapkan oleh data custodian tersebut. Di samping itu, ia perlu membekalkan salinan data yang sama secara percuma kepada data custodian dalam format yang telah dipersetujui dan data custodian berkenaan akan seterusnya bertanggungjawab kepada penyenggaraan data yang terbabit.

#### **PRINSIP 4 - Data Custodian adalah pembekal data berwibawa**

15. Data custodian merupakan agensi pembekal data yang berwibawa bagi dataset di bawah jagaan mereka.

16. Selaras dengan kedudukannya sebagai agensi pembekal data berwibawa, data custodian akan menjadi pembekal utama data berkenaan. Ini akan mengurangkan kekeliruan pengguna dan akan dapat mengatasi masalah ketepatan dan kesahihan data yang mungkin akan dihadapi apabila data yang sama diperolehi daripada lebih dari satu agensi, atau apabila data yang dibekalkan oleh beberapa agensi dicantumkan. Dengan adanya rancangan pembangunan dan penyenggaraan yang menepati garis panduan untuk data custodianship, maka data di bawah jagaan data custodian sewajarnya merupakan data yang mutakhir. Di samping itu, sebagai data custodian yang bertanggungjawab membangunkan pangkalan data, mereka adalah sumber terbaik untuk memberi nasihat mengenai punca, kemutakhiran dan kesempurnaan data berkaitan.

#### **PRINSIP 5 - Data Custodian bertanggungjawab sepenuhnya terhadap integriti data di bawah jagaan mereka**

17. Data Custodian berkemungkinan akan mewakilkan sebahagian atau semua tugas yang berkaitan dengan dataset dalam kawalan mereka kepada agensi lain. Walau bagaimanapun sekiranya ini dilakukan, mereka tetap akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap integriti dataset berkenaan. Sehubungan dengan itu, data custodian hendaklah memastikan bahawa mereka mampu untuk menyempurnakan tanggungjawab tersebut sebelum melakukan perwakilan tugas kepada agensi lain.

**PRINSIP 6 - Data Custodian hendaklah memastikan capaian yang berterusan kepada semua pengguna untuk dataset di bawah kawalan mereka**

18. Pengurusan data boleh dibuat secara outsourcing oleh data custodian. Memandangkan urusan ini dijangka akan mendatangkan kesan-kesan tertentu bagi capaian berterusan, maka NaLIS hendaklah dimaklumkan mengenainya. Sebelum pendekatan sebegini digunakan, pertimbangan hendaklah diberi kepada aspek keupayaan pihak-pihak yang terbabit bagi memastikan capaian dan perkongsian data kelak mampu dilaksanakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

**HAK- HAK DATA CUSTODIAN**

19. Tertakluk kepada dasar-dasar semasa Kerajaan, data custodian mempunyai hak untuk menetapkan syarat-syarat pemasaran bagi dataset yang diamanahkan kepada mereka. Di antaranya termasuklah hak-hak untuk mengadakan perjanjian rasmi dengan agensi-agensi penambah nilai, perjanjian royalti, penentuan harga data, perkongsian hasil dan hakcipta.

20. Data custodian berhak menentukan tahap keutamaan pengutipan data. Dalam pada itu, data custodian perlu berbincang dengan pengguna bagi menimbang secara objektif kehendak pengguna dan keperluan sendiri.

**TANGGUNGJAWAB DATA CUSTODIAN**

21. Data custodianship bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut:-

- a) Pengutipan dan Penyenggaraan Data
  - i. Bertanggungjawab terhadap semua aspek pengutipan data termasuk penetapan spesifikasi, standard, pengurusan dan jaminan kualiti data.
  - ii. Berbincang dengan NaLIS dan pengguna untuk mengenalpasti keperluan dan keutamaan data sebelum membangun atau menetapkan program kutipan, penyenggaraan dan standard bagi data di bawah jagaan mereka.
  - iii. Mengelak pertindihan kutipan data dengan memastikan data yang dikutip masih belum wujud dalam format yang dikehendaki.
  - iv. Dalam keadaan di mana kutipan data dibuat secara outsourcing, perlu dipastikan bahawa di dalam perjanjian kontrak terdapat peruntukan pemilikan hakcipta oleh Kerajaan. Sekiranya data diperolehi melalui penggabungan semula dataset sedia ada yang mana hakciptanya dimiliki oleh pihak lain, maka pemilikan hakcipta ke atas hasil penggabungan perlu dirunding dan seterusnya perjanjian mengenainya dibuat.

- b) Pembangunan Standard
  - i. Untuk tujuan pengurusan dan penggunaan dataset di bawah jagaan mereka, standard yang sesuai perlu digunakan dengan mengambil kira keperluan NaLIS dan pengguna.
  - ii. Mencadangkan standard untuk pengurusan data tersebut kepada NaLIS.
  - iii. Memastikan yang dataset di bawah jagaan mereka menepati standard yang telah dipersetujui.
- c) Kualiti Data
  - i. Bertindak sebagai agensi pembekal data berwibawa bagi data di bawah jagaan mereka dan memastikan kualiti data sentiasa terpelihara.
  - ii. Membekalkan pernyataan kualiti mengenai punca, kesahihan, ketepatan, kesempurnaan dan kemutakhiran data.
- d) Capaian Data
  - i. Memastikan data di bawah tanggungjawab data custodian sentiasa tersedia dan mudah dicapai.
  - ii. Memastikan penyimpanan, penyenggaraan dan keselamatan data tersebut mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan.
  - iii. Dalam memberarkan capaian data, kepentingan kerajaan mesti dipelihara melalui perjanjian-perjanjian yang ditetapkan untuk menjamin privacy dan confidentiality data.
  - iv. Menggalakkan penggunaan data secara betul dan teratur bagi mengurangkan berlakunya pembaziran.
  - v. Menyediakan satu saluran perhubungan untuk pertanyaan berkaitan dataset di bawah jagaan mereka.
- e) Metadata

Menyediakan metadata yang menghuraikan dan menjelaskan data di bawah jagaan mereka kepada Clearinghouse NaLIS. Metadata ini mesti menepati garis panduan NaLIS.
- f) Data Peribadi

Data custodian mesti menyediakan langkah keselamatan untuk melindungi data peribadi.

## **PEMILIHAN DATA CUSTODIAN**

22. Pemilihan data custodian bagi sesuatu dataset akan dipilih dari kalangan agensi pembekal data dan bukan cawangan atau unit agensi tersebut. Pemilihan adalah berasaskan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

- a) mempunyai tanggungjawab berkanun untuk mengutip dan menyenggara data berkenaan;
- b) mempunyai keperluan tertinggi kepada data berkaitan;
- c) merupakan agensi yang dipertanggungjawabkan untuk merekod perubahan yang berlaku kepada data terbabit;
- d) memerlukan data yang mempunyai integriti tertinggi dari segi ketepatan, kemutakhiran dan lain-lain;
- e) merupakan agensi yang paling kompeten untuk mengutip dan menyenggara data berkenaan;
- f) berkedudukan paling strategik bagi membuat pungutan data dari puncanya; dan
- g) mendapat keyakinan pengguna bahawa ia akan sentiasa menepati tanggungjawabnya dalam mengutip dan menyenggara data berkaitan.

## **PENILAIAN SEMULA DATA CUSTODIAN**

23. Dari semasa ke semasa kerajaan akan membuat penilaian semula terhadap :

- a) kesesuaian data custodian dan juga keperluan untuk mempertanggungjawabkan dataset-dataset baru kepada data custodian yang sedia ada. Sekiranya perlu, data custodian baru akan dikenalpasti dan diperakukan; dan
- b) prestasi dan kemajuan yang dicapai oleh data custodian dalam mengutip dan menyenggara data yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

## **AGENSI TUNJAK**

24. Dalam keadaan di mana sesuatu dataset itu dipertanggungjawabkan kepada lebih daripada satu data custodian maka sebuah agensi tunjak (lead agency) dari kalangan data custodian bagi dataset berkenaan akan dikenalpasti dan diperakukan oleh NaLIS.

25. Agensi tunjuk tersebut akan selanjutnya bertanggungjawab bagi menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan dataset di bawah jagaan data custodian berkenaan. Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, agensi tunjuk hendaklah berbincang dengan semua data custodian dan pengguna yang terlibat. Tanggungjawab agensi tunjuk termasuk antaranya:

- a) memimpin usaha-usaha membangunkan standard serta menyelaras perancangan kutipan dan penyenggaraan dataset yang berkaitan;
- b) membantu memudahkan penyebaran data bagi dataset berkenaan; dan
- c) menggalakkan penggunaan dataset yang terbabit secara efisyen.

#### **TANGGUNGJAWAB PENGGUNA**

26. Antara tanggungjawab pengguna adalah seperti berikut:

- a) Perlu melaporkan kepada data custodian mengenai sebarang ralat dan ketidak sempurnaan yang dijumpai pada data yang diterima;
- b) memaklumkan kepada data custodian tentang keperluan masa depan mereka untuk membolehkan data custodian mengambil kira keperluan tersebut semasa membuat perancangan pengutipan data;
- c) tidak boleh memberikan data yang dibekalkan kepada mereka kepada pihak ketiga melainkan melalui perjanjian yang memperuntukkan syarat khusus bagi melepaskan data tersebut;
- d) dalam keadaan di mana pengguna mengutip data bagi pihak data custodian, ia hendaklah memenuhi kehendak standard yang telah ditetapkan oleh data custodian;
- e) pengguna yang mengeluarkan produk yang ditambahnilai dengan menggunakan data asal yang berpunca dari data custodian, hendaklah membekalkan salinan produk yang dihasilkan itu kepada data custodian secara percuma;
- f) pengguna yang mengutip data bagi pihak data custodian tidak dibenarkan menjualnya tanpa terlebih dahulu memperolehi kebenaran dari data custodian;
- g) pengguna-pengguna mesti menyatakan sumber data apabila menggunakan data berkenaan; dan
- h) pengguna bertanggungjawab penuh ke atas kesesuaian penggunaan data, termasuk untuk aplikasi yang tidak selaras dengan tujuan asal pengutipan data tersebut.

27. Apabila pengguna telah memenuhi tanggungjawabnya kepada data custodian, ia mempunyai hak untuk menggunakan data yang diperolehi dari mereka. Di samping itu ia juga berhak untuk menggunakan data yang telah diolah termasuk yang telah ditambahnilai. Dalam hal ini pengguna hendaklah membekalkan mana-mana data yang telah ditambah nilai kepada data custodian.

### **PENGURUSAN PRODUK TAMBAH NILAI**

28. Produk tambah nilai adalah data yang telah digabung, diolah dan ditingkatkan. Adalah menjadi tanggungjawab agensi yang ingin menggunakan data dari data custodian untuk membangunkan produk tambahnnilai membuat perjanjian rasmi dengan data custodian berkenaan sebelum memeterai apa-apa kontrak komersil untuk produk tersebut. Perjanjian ini perlu menghuraikan :

- a) syarat-syarat penggunaan data termasuk yang berkaitan dengan privacy, confidentiality dan aspek pemeliharaan kepentingan Kerajaan serta keselamatan negara;
- b) pemeliharaan hak cipta;
- c) tempoh perjanjian;
- d) definisi dan skop liabiliti bagi ketepatan, penggunaan serta pengubahsuaian yang kemudiannya dibuat kepada data;
- e) tanggungjawab semua pihak untuk menyenggara data secara berterusan;
- f) format, persembahan dan kualiti data yang dibekalkan; dan
- g) imbuhan kewangan atau pertimbangan dalam bentuk lain, di mana berkenaan.

29. Data custodian dan agensi penambah nilai boleh menuntut royalti sekiranya mereka melakukan pengutipan data atau menyumbang sumber-sumber yang berpatutan bagi menguruskan pengutipan data yang digunakan untuk menghasilkan produk-produk tambah nilai bagi tujuan komersil.

### **LIABILITI**

30. Bagi mengehadkan liabiliti akibat penyebaran data yang mengandungi ralat, penafian (disclaimer) perlu diperuntukkan dalam proses membuat pembekalan data. Bagi maksud tersebut, nasihat daripada pihak perundangan yang sewajarnya perlu terlebih dahulu diperolehi.

## **KESIMPULAN**

31. Custodianship memperuntukkan prinsip akauntabiliti dan unsur kebolehpercayaan terhadap data custodian dan ini akan membawa kesan peningkatan terhadap keyakinan pengguna untuk menggunakan data yang dibekalkan. Dengan mematuhi garispanduan ini, adalah diharapkan pengurusan dan perkongsian data berkaitan tanah dapat meningkatkan keberkesanan Infrastruktur Kebangsaan bagi Sistem Maklumat Tanah.

Sekretariat NaLIS

E-mail: [senalis@nalis.gov.my](mailto:senalis@nalis.gov.my)

## ISTILAH

<b>Agensi</b>	Mana-mana jabatan, institusi, badan berkanun, kerajaan tempatan atau organisasi.
<b>Akauntabiliti</b>	Satu obligasi atau kesanggupan untuk bertanggungjawab sepenuhnya.
<b>Confidential</b>	Sulit dan mesti dirahsiakan.
<b>Custodianship</b>	Perihal sebagai pemegang amanah yang menerima tanggungjawab dan akauntabiliti bagi menguruskan sesuatu dataset bagi pihak Kerajaan.
<b>Data</b>	Persebarahan maklumat secara formal yang boleh diterjemahkan dalam bentuk yang sesuai untuk komunikasi, olahan dan prosesan.
<b>Dataset</b>	Suatu set data yang mempunyai tema atau attribut yang sama.
<b>Data custodian</b>	Satu agensi yang diperakukan oleh Kerajaan bagi menguruskan sesuatu dataset bagi pihak Kerajaan.
<b>Dataset kerangka</b>	dataset yang diperlukan oleh lebih daripada sebuah agensi kerajaan.
<b>Disclaimer</b>	Penafian; penolak liabiliti.
<b>Hak cipta</b>	Hak eksklusif untuk menyalin, menerbit, menyiar atau menyesuaikan suatu data.
<b>Kegunaan komersil</b>	Penggunaan data bagi suatu maksud berkaitan dengan perdagangan dan pembelian, penjualan atau pertukaran komoditi data atau perkhidmatan bagi mendapatkan keuntungan.
<b>Liabiliti</b>	Keadaan dimana adalah terikat atau mempunyai obligasi tanggungjawab undang-undang.
<b>Agensi tunjuk (lead agency)</b>	Agensi yang diperakukan sebagai ketua dari kalangan <i>data custodian</i> untuk suatu dataset sebagai bertanggungjawab bagi menyelaraskan aktiviti berkaitan dengan dataset di bawah jagaan kalangan <i>data custodian</i> berkenaan.

<b>Metadata</b>	Maklumat mengenai data dan aspek penggunaannya. Maklumat ini pada lazimnya akan merangkumi sebahagian daripada berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tema data.</li> <li>• Di mana ia boleh diperolehi.</li> <li>• Siapa yang perlu dihubungi untuk memperolehinya.</li> <li>• Berapakah harganya.</li> <li>• Siapakah yang boleh mengaksesnya.</li> <li>• Dalam format apakah ia boleh diperolehi.</li> <li>• Apakah kualiti data tersebut untuk suatu kegunaan yang telah ditetapkan.</li> <li>• Di mana lokasi spatial yang diliputi dan bagi tempoh masa bila.</li> <li>• Siapa, bila dan dimanakah data itu dikumpul. Bagi tujuan-tujuan apakah data tersebut telah digunakan dan siapakah penggunanya. Apakah data-data berkaitan yang juga boleh diperolehi, dsb.</li> </ul>
<b>Pengguna</b>	Konsumen akhir data; mereka yang menggunakan data sebagai input untuk menyelesaikan masalah dan/atau membuat keputusan.
<b>Produk tambahan nilai</b>	Data yang telah digabungkan, diolah dan ditingkatkan.
<b>Sumber data</b>	Dari mana data itu boleh diperolehi.